

Program Kemajuan Profesionalisme: M.A. dalam Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat, Universiti Sheffield, 1992/93

Norehan Ahmad*

I. Pengenalan

Pada hujung bulan September 1992 saya telah bertolak ke Sheffield, England untuk menjalani kursus Ijazah Sarjana dalam bidang pengurusan perpustakaan dan maklumat. Ini adalah peluang kedua saya dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama. Saya rasa amat bertuah kerana diberi peluang belajar semula oleh pihak Universiti Malaya setelah berkhidmat lebih daripada 11 tahun di Perpustakaan Universiti Malaya. Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana telah berjaya menamatkan kursus tersebut.

Universiti Sheffield terletak di sebelah barat bandar Sheffield, lebih kurang 15 minit masa berjalan kaki ke tengah bandar Sheffield. Universiti ini telah ditubuhkan lebihkurang 150 tahun lalu. Sheffield terletak di antara sempadan negeri-negeri Yorkshire dan Derbyshire, England. Bandar ini sejak dulu lagi terkenal dengan industri-industri garpu dan camca peraknya. Jumlah penduduk di Sheffield lebihkurang setengah juta orang. Ia adalah bandar yang kelima paling besar di England. Ramai pelajar Malaysia belajar di Universiti Sheffield. Kos kehidupan di Sheffield masih rendah jika dibandingkan dengan London atau bandar-bandar lain di England. Masalah penginapan dan makanan tidaklah begitu ketara sepertimana didapati di tempat-tempat lain. Kawasan luar bandar Sheffield sangat indah dan bersih, dan sering dikunjungi oleh pelancong-pelancong tempatan dan luar negeri pada hujung minggu dan hari cuti.

Lokasi Jabatan Pengajian Maklumat

Jabatan Pengajian Maklumat (Department of Information Studies) baru dipindah ke lokasinya sekarang, iaitu pada bulan Oktober 1993, waktu saya sedang melaporkan diri di jabatan tersebut. Jabatan ini terletak di paras dua dan

tiga bangunan "Regent Court". Bangunan ini baru dibina dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk kegunaan pelajar-pelajar. Bilik-bilik kuliah/seminar, bilik komputer, bilik multimedia, bilik pensyarah-pensyarah dan pejabat am, ditempatkan di paras dua. Di paras tiga pula terdapat dua bilik seminar dan bilik-bilik pelajar yang sedang menjalankan penyelidikan di peringkat Ph.D dan pelajar-pelajar pelawat dari luar negeri. Pada penggal pertama, kuliah-kuliah diadakan di bangunan-bangunan lain dalam kampus kerana bilik-bilik kuliah di Jabatan terlalu kecil untuk menempatkan kesemua pelajar pada satu masa.

1. Objektif

Program ini memberi peluang kepada mereka yang berpengalaman dalam bidang pengurusan perpustakaan dan maklumat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang yang sama dengan menyediakan beberapa kajian kursus dan disertasi.

2. Kandungan

- Penilaian program ini berdasarkan pada:
- i) Kajian-kajian kursus selama dua penggal.
 - ii) Penyediaan satu disertasi semasa penggal ketiga.

Peserta-peserta dalam kursus ini diwajibkan menghadiri kursus Komputer dan Maklumat I. Mereka juga boleh menghadiri kursus-kursus yang diwajibkan untuk M.A. dalam Perpustakaan dan M.Sc. dalam Pengurusan Maklumat, sekiranya kursus-kursus tersebut ada kaitan dengan topik esei yang mereka akan menulis. Mereka dikehendaki memberitahu pensyarah-pensyarah berkenaan terlebih dahulu sebelum menghadiri kuliah-kuliah untuk kursus-kursus tersebut.

* Pustakawan, Perpustakaan Media.

3. Topik-topik Pengajian

Dua tema pengajian mesti dipilih dari senarai tersebut:

- i) Perpustakaan dan sistem maklumat dan perkhidmatan termasuk pengurusan
- ii) Penggunaan komputer di perpustakaan dan dalam pengurusan maklumat
- iii) Sumber-sumber maklumat
- iv) Pencarian maklumat.

Dua topik bagi kertas penggal mesti di tulis untuksatu tema pada satu penggal. Ini bermakna saya telah siapkan 8 kertas penggal, dari bulan November 1992 sehingga hujung bulan Mac 1993. Tiap satu kertas peng-gal mesti mengandungi lebihkurang 6,000 patah perka-taan. Saya telah memilih dua tema iaitu Perpustakaan dan Sistem Maklumat dan Perkhidmatan dan Sumber-sumber Maklumat sebagai topik-topik pengajian. Di antara topik-topik kertas penggal yang saya telah tulis adalah seperti berikut:

Tajuk-tajuk Kertas Penggal

- i) Sumber-sumber untuk pengajaran/pem-belajaran bahasa (Bahagian 1 dan 2)
- ii) Polisi pemuliharaan dan kegunaan untuk perpustakaan-perpustakaan akademik
- iii) Implikasi rangkaian berkomputer untuk perpustakaan dan perkhidmatan maklumat
- iv) Cara-cara pencarian dan pengurusan talian terus
- v) Melatih penggunaan pangkalan data talian terus
- vi) Polisi pembinaan koleksi untuk perpusta-kaan akademik.

Tajuk Disertasi

Pengurusan bahan-bahan audio-visual di perpustakaan akademik: kes-kes kajian.

Disertasi yang telah siap mesti mengandungi tidak kurang daripada 12,000 patah perkataan.

Rumusan

Pada keseluruhannya kursus ini sangat ber-manfaat dan telah memenuhi keperluan saya. Saya telah memilih kursus "Professional De-velopment Programme" ini kerana saya inginkan suatu kursus di mana masa itu tidak terhad untuk menghadiri kuliah-kuliah sahaja. Kursus ini memberi kebebasan kepada pelajar-pelajar seperti saya untuk memilih topik-topik penga-jian yang diminati atau yang relevan dengan urusan kerja saya di perpustakaan. Ianya mem-beri peluang dan masa untuk saya membaca bahan-bahan mengenai pengurusan perpusta-kaan dan maklumat yang terkini. Saya juga didedahkan kepada sistem-sistem komputer yang canggih dan cara-cara mencari maklumat melalui sistem rangkaian berkomputer seperti JANET (Joint Academic Network). Rangkaian ini menghubung-kan pangkalan data lebih dari-pada 150 institusi (termasuk universiti-universiti dan politeknik di United Kingdom), DIALOG dan lain-lain.

Selain daripada itu, terdapat juga beberapa masalah seperti kekurangan bahan-bahan bacaan untuk menulis kertas penggal. Saya sendiri sering menghadapi masalah untuk menulis 6,000 patah perkataan bagi satu kertas penggal. Masa untuk menyiapkan satu kertas penggal adalah dua sehingga tiga minggu sahaja. Kadang-kala masa untuk mencari maklumat dan mengump-ul data-data mengambil lebih daripada satu minggu. Masalah seperti ini memberi saya peluang untuk menguasai masa yang terhad dengan rapi dan teratur.

Saya juga telah melawat beberapa perpusta-kaan di Sheffield untuk mencari maklumat dan mengumpul data mengenai topik disertasi saya iaitu "Pengurusan koleksi audio visual di perpustakaan-perpustakaan akademik". Kesemua perpustakaan yang dilawati mempunyai masa-lah-masalah kewangan, ruang dan kakitangan. Pengalaman yang saya perolehi semasa lawatan-lawatan ini memberi saya idea-idea dan cara-cara untuk mempertingkatkan lagi mutu koleksi audio visual di Perpustakaan Media, Perpusta-kaan Universiti Malaya. ■